

ABSTRACT

(Human Immunodeficiency Virus (HIV)/ Acquired Immune Deficiency Syndrome (AIDS) is the most dramatic epidemic of the century that has claimed millions of deaths. Despite awareness campaigns, prevention measures and promotion of anti-viral regimens, the prevalence of cases and deaths is still rising while the prevalence of consistent condom use remains low during sexual intercourse. Considering this view, a cross sectional study was conducted among the HIV positive patients attended the Infectious Disease Clinic HQE, Kota Kinabalu, Sabah with a view to assess the level of knowledge and attitude towards HIV prevention) The study was also intended to determine the factors influencing the consistent condom use during sexual intercourse. A total of 124 HIV positive patients who fulfilled the inclusion and exclusion criteria were included in this study. A self-structured questionnaire was used to collect the relevant information. The study was conducted from 2 February 2011 to 22 March 2011.

The mean age of the respondents was 34.4 years with a standard deviation of 7.7 years. Majority of the respondents were male (79.8%) and 20.2% were female with a ratio of male to female was 3.95:1. About three fifths (58.9%) of the respondents had a good level of knowledge on HIV prevention and the rest had poor level of knowledge. Only 46% of the respondents had good level of attitude as compared to 54% of the respondents with poor level of attitude towards HIV prevention. Three-fifths (61.3%) of the respondents were sexually active for the past 6 months where 40.3% of them had single sexual partner and 21.0% had multiple partners. Only 6.5% of the respondents had used condom consistently during sexual intercourse for the last six months.

Analysis revealed that older age and minor ethnic group had good level of knowledge on "ABC" concept of HIV prevention ($p < 0.05$) and female respondents showed an optimistic attitude towards condom use during sexual intercourse ($p < 0.05$). However, analysis did not find any statistically significant association between consistent condom use and socio-demographic characteristics ($p > 0.05$). Similarly, no statistically significant association was found between condom use and knowledge and attitude towards HIV prevention ($p > 0.05$). On the contrary, the consistent condom was higher among the single partner compared to inconsistent condom use with multiple sexual partners and the difference was statistically significant ($p < 0.001$) this indicating that multiple sexual partners had potential risk for HIV transmission. Analysis revealed a statistically significant correlation between condom use with age, attitude and number of sexual partners ($p < 0.05$) indicating that consistent condom use increases with younger age having single partners. A negative association was found with poor attitude and condom uses which are important issues for policy implication. However, no statistically significant association was found between condom use and duration of follow up, knowledge on ABC concept of HIV prevention, income and schooling ($p > 0.05$) though positive relationship was found with level of education and income.

This study identified low and inconsistent condom use among the HIV patient during sexual intercourse. Though the study did not depict the national scenario, it was useful to design and improve HIV/AIDS prevention activities including 'outreach' program in Sabah.

ABSTRAK

Human Immunodeficiency Virus (HIV)/ Acquired Immune Deficiency Syndrome

(AIDS) adalah epidemic paling dramatik yang telah menyebabkan jutaan kematian di abad ini. Walaupun kempen kesedaran, langkah-langkah pencegahan di samping promosi regimen antiviral yang terbaru, kadar kes dan kematian masih lagi meningkat sementara kadar penggunaan kondom secara konsisten masih lagi rendah. Melihat pada keadaan ini, satu kajian rentas telah dijalankan di kalangan pesakit HIV yang menjalani rawatan di Klinik Penyakit Berjangkit, HQE, Kota Kinabalu, Sabah bertujuan untuk mengkaji tahap pengetahuan dan sikap terhadap pencegahan HIV. Kajian ini turut mengkaji factor-faktor terlibat di dalam penggunaan kondom secara konsisten semasa hubungan kelamin. Sebanyak 124 pesakit HIV yang memenuhi kriteria inklusi dan eksklusi telah dimasukkan ke dalam kajian ini. Borang kaji selidik berstruktur telah digunakan untuk mengumpul informasi yang berkaitan. Kajian ini telah dijalankan mulai 2hb Februari sehingga 22hb Mac 2011.

Secara purata, responden berumur 34.4 tahun dengan sisihan piawaian 7.7 tahun. Majoriti adalah lelaki(79.8%) dan hanya 20.2% dari kalangan wanita yang mana nisbah lelaki kepada wanita adalah 3.95: 1. Sebanyak tiga perlima(58.9%) responden mempunyai tahap pengetahuan yang baik terhadap langkah-langkah pencegahan HIV dan selebihnya didapati mempunyai tahap pengetahuan yang rendah. Hanya 46% daripada mereka menunjukkan tahap sikap yang baik berbanding 54% yang menunjukkan sikap yang kurang baik terhadap langkah-langkah pencegahan HIV. Dalam tempoh 6 bulan kebelakangan ini, adalah didapati tiga perlima (61.3%) daripada responden aktif dalam melakukan hubungan kelamin di mana 40.3% daripada mereka mempunyai seorang pasangan kelamin dan 21.0% mempunyai ramai pasangan

kelamin. Hanya 6.5% menggunakan kondom secara konsisten semasa hubungan kelamin untuk tempoh 6 bulan tersebut.

Analisa menunjukkan tahap pengetahuan terhadap langkah-langkah pencegahan HIV berkonsep "ABC" adalah baik di kalangan mereka yang berusia dan daripada kumpulan etnik minoriti dan wanita dikenalpasti bersikap optimistik terhadap penggunaan kondom semasa hubungan kelamin ($p < 0.05$). Walaubagaimanapun, tiada sebarang perkaitan yang signifikan diperolehi di antara penggunaan kondom secara konsisten dan ciri-ciri sosio-demografik ($p > 0.05$). Keadaan yang sama ditunjukkan dimana tiada sebarang hubung-kait yang signifikan diperolehi di antara penggunaan kondom secara konsisten dan tahap pengetahuan dan sikap ($p > 0.05$). Sebaliknya, penggunaan kondom secara konsisten adalah tinggi di kalangan mereka yang mempunyai seorang sahaja pasangan kelamin berbanding dengan mereka yang mempunyai ramai pasangan di mana perbezaan ini adalah signifikan secara statistik ($p < 0.001$) menunjukkan bahawa dengan mempunyai ramai pasangan, mereka berpotensi dan berisiko mendapat jangkitan HIV. Analisa mendapati korelasi yang signifikan di antara penggunaan kondom dengan usia, sikap dan jumlah pasangan kelamin ($p < 0.05$) menunjukkan bahawa penggunaan kondom secara konsisten yang tinggi di kalangan mereka yang lebih muda dan mempunyai seorang pasangan kelamin. Hubung-kait negatif di antara sikap kurang baik dan penggunaan kondom adalah isu penting untuk implikasi polisi. Pun begitu, tiada sebarang hubungan yang signifikan diperolehi di antara penggunaan kondom dan tempoh rawatan, pengetahuan terhadap langkah-langkah pencegahan HIV berkonsep "ABC", pendapatan dan tahap pendidikan ($p > 0.05$) walaupun didapati terdapat hubungan positif di antara tahap pendidikan dan pendapatan.

Kajian ini telah mengenalpasti penggunaan kondom yang rendah dan tidak konsisten semasa hubungan kelamin dikalangan pesakit HIV. Walaupun hasil kajian ini tidak menggambarkan senario kebangsaan, ia bermanfaat di dalam membentuk dan mempertingkatkan aktiviti-aktiviti pencegahan HIV/AIDS termasuk program 'outreach' di negeri Sabah.